

**Sejuta masyarakat Cina belum mendaftar
Utusan Online
08 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR 7 Mac - Kira-kira sejuta masyarakat Cina di negara ini yang telah memenuhi syarat dan layak mengundi pada Pilihan Raya Umum Ke-13 masih belum mendaftar dengan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Setiausaha Agung MCA, Datuk Seri Kong Cho Ha berkata, fenomena itu amat serius kerana secara puratanya satu daripada empat masyarakat Cina yang layak tidak menunaikan tanggungjawab mendaftar sebagai pengundi.

"Berdasarkan maklumat daripada SPR, seramai 1,102,341 daripada 4.89 juta masyarakat Cina yang layak masih belum mendaftar dengan badan itu sehingga September tahun lalu.

"Keadaan itu menunjukkan bahawa mereka (masyarakat Cina yang belum mendaftar) seolah-olah mengamalkan sikap tidak peduli mengenai situasi politik di negara ini," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Tambah Cho Ha, masyarakat Cina sepatutnya melibatkan diri secara aktif pada pilihan raya umum akan datang kerana sumbangan mereka dalam pembangunan negara selama ini tidak dapat dinafikan selain perlu mengambil peluang untuk membuat pilihan yang tepat.

Beliau memberitahu, semua pusat perkhidmatan MCA di bahagian dan cawangan di seluruh negara sedia membantu mereka yang ingin mendaftar sebagai pengundi dan hanya perlu membawa MyKad untuk berbuat demikian.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0308&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_07.htm